

# Mohd. Noordin terima Anugerah Keusahawanan Asia Pasific

**KUALA LUMPUR 27 Ogos** - Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas telah dipilih sebagai salah seorang penerima kategori *Most Promising*, dalam Anugerah Keusahawanan Asia Pasific 2015 di Hotel Intercontinental di sini, malam ini.

Ini merupakan anugerah kedua yang diterima Mohd. Noordin selepas beliau menerajui Kumpulan Utusan pada Mei tahun lalu.

Mohd. Noordin ketika ditemui berkata, anugerah tersebut merupakan satu pengiktirafan atas setiap usaha yang dilakukan syarikat.

“Saya berasa sangat gembira dan teruja apabila menerima penganugerahan ini. Anugerah ini adalah untuk semua warga kerja Kumpulan Utusan dan berharap ini dapat meningkatkan kegigihan

dalam membawa syarikat supaya lebih maju dan disegani.

“Saya juga berharap anugerah ini akan menjadi titik tolak kepada kita di Utusan untuk merealisasikan impian di masa akan datang. Malah, saya yakin dengan kerjasama yang ada perancangan sedia ada dapat menjadi kenyataan,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Anugerah disampaikan oleh Pengurus Enterprise Asia yang juga merupakan bekas Menteri Sumber Manusia, Tan Sri Dr. Fong Chan Onn.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lee Chee Leong dan Presiden Enterprise Asia, Datuk William Ng.

Anugerah berprestij yang berlangsung buat kali kesembilan pada

tahun ini menyaksikan seramai 33 usahawan di Malaysia menerima pengiktirafan selepas berjaya menunjukkan kecemerlangan dan pencapaian memberangsangkan dalam perniagaan masing-masing.

Dalam majlis tersebut, Anugerah Usahawan Terbaik 2015 dimenangi kepada Pengurus Eksekutif Silverlake Axis Limited, Goh Peng Ooi manakala Anugerah Pencapaian Terbaik pula diberikan kepada Pengurus TSH Resources Berhad, Datuk Dr. Kelvin Tan.

Bagi kategori Tokoh Usahawan Wanita Terbaik 2015 dimenangi Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Ireka Corporation Berhad, Monica Lai Voon Huey manakala Tokoh Usahawan Muda Terbaik 2015 dimenangi CEO Kumpulan Aspen, Datuk Murly Manokharan.